

16 MAY 2000

Mahathir-Rafidah

TIADA SINDROM BALAS DENDAM DALAM WANITA UMNO, KATA MAHATHIR

IPOH, 16 Mei (Bernama) -- Persana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berpuas hati dengan penjelasan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz mengenai rombakan dalam barisan kepimpinan pergerakan itu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa rombakan itu dibuat atas dasar balas dendam.

"Saya dah kaji (penjelasan Rafidah) dan saya puas hati bahawa ini adalah suatu tindakan yang tidak merupakan tindakan balas dendam. Banyak daripada orang lama masih ada di dalam (kepimpinan pergerakan itu) dan antaranya ketua-ketua (Wanita negeri) dan pegawai-pegawai lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan di sini.

Dr Mahathir telah ditanya mengenai tindakan Rafidah yang membuat perubahan besar dengan menggugurkan sembilan Ketua Wanita Umno Negeri termasuk bekas Ketua Wanita Pahang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang gagal mempertahankan jawatan Ketua Wanita dalam pemilihan Rabu lepas.

Dr Mahathir yang mengadakan pertemuan dengan Rafidah semalam berkata Ketua Pergerakan Wanita itu turut menunjukkan kepada beliau bahawa bukan semua pemimpin lama ditukar, malahan kebanyakan naib ketua Wanita negeri masih dikekalkan.

"Perubahan itu terhad kepada sebilangan kecil sahaja yang pada pandangan Ketua Wanita baru itu perlu digantikan oleh mereka yang barangkali lebih aktif," katanya.

Beliau berkata pertukaran barisan pemimpin pergerakan Wanita turut berlaku selepas ketuanya bertukar pada pemilihan Umno tahun 1996 dan apa yang lebih penting adalah untuk semua pihak mengakui bahawa semua yang dipilih adalah juga merupakan anggota Umno.

"Kita tak nak kata orang ini sebagai orang Rafidah, orang Zaharah. Semuanya adalah ahli Umno. Yang kita pilih pun ahli Umno juga," katanya.

Dr Mahathir turut menolak dakwaan bahawa tindakan Rafidah itu dibuat secara tergesa-gesa.

"Dia nak cepatkan proses (pertukaran) ini dan tidak bermakna tergesa-gesa. Ini persetujuan mereka (anggota Exco), bukan dibuat oleh Rafidah sahaja," kata Dr Mahathir yang turut melahirkan keyakinan kombinasi muka lama dan baru dalam kepimpinan itu mampu menjalankan tugas dengan baik.

Beliau juga berkata Rafidah turut menghubungi ketua-ketua perhubungan Umno negeri untuk mengetahui sama ada seseorang calon itu patut dilantik ataupun tidak.

Mengenai permohonan pergerakan itu supaya dua wanita dilantik sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno, Dr Mahathir berkata beliau akan menimbang perkara itu sebaik mungkin.

"Banyak yang nak masuk, tak cukup tempat. Banyak kriteria yang perlu diambil kira, (calon) yang tertinggal, yang baru, yang luar, yang dalam dan macam-macam lagi," katanya ketika ditanya apakah kriteria yang menentukan seseorang itu dilantik untuk menganggotai MT.

Dr Mahathir berkata beliau akan menimbang semua aspek sebelum membuat pelantikan dan akan mengumumkan nama-nama mereka sebaik sahaja mereka dilantik.

Presiden parti boleh malantik 10 orang anggota MT di samping 25 orang yang dipilih pada perhimpunan agung. Pada pemilihan Khamis lepas, lima calon Wanita bertanding untuk jawatan itu tetapi semuanya tewas.

-- BERNAMA

HJ AHH NMO